



**1. PENYUSUN KEGIATAN LUAR  
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.14 [ \$2,740 - \$3,160 SEBULAN ]  
KEKOSONGAN= 3**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan Jasmani / Sains Sukan / Kesenian / Kebudayaan / Keagamaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pendidikan Jasmani / Sains Sukan / Kesenian / Kebudayaan / Keagamaan atau bidang yang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

2. Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang belum mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan adalah dikehendaki untuk mengikuti Kursus Diploma Pendidikan / Sijil dalam bidang pendidikan semasa tempoh percubaan.



3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYUSUN KEGIATAN LUAR:**

1. Membantu melaksanakan tugas dan tanggungjawab Ketua-Ketua Bahagian / Unit dalam hal-hal Pentadbiran Bahagian / Unit masing-masing.
2. Penyelaras kepada kegiatan dan pertandingan Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang diaturkan kepada Penyelia-Penyelia Daerah dan Penolong-Penolong Penyelia.
3. Bertanggungjawab dalam menyusun dan menyelaras Kalendar Tahunan Kegiatan dan Pertandingan di Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah dan Maktab-Maktab.
4. Merancang dan membuat cadangan-cadangan bagi meningkatkan keberkesanan kegiatan dan pertandingan aktiviti Kokurikulum di Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Seluruh Negara.
5. Menyediakan peruntukan bagi kegiatan, pertandingan, peralatan kursus, bengkel atau seminar kepada guru-guru Sekolah Rendah dan Menengah yang di bawah pengawasannya dan menghadapkn kepada ketua-ketua bahagian masing-masing.
6. Menyediakan laporan tahunan bagi setiap kegiatan dan pertandingan yang dijalankan.
7. Melaksanakan arahan-arahan mendatang dari pegawai-pegawai atasan.